

# Sultan Selangor nikah pembaca berita

➔ Majlis ringkas diadakan pada 31 Ogos lalu

Oleh Norzamira Che Noh

bhnews@bh.com.my

## Shah Alam

**S**ultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bernikah dengan pembaca berita RTM, Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang pada 31 Ogos lalu.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani, berkata Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam majlis pernikahan yang sederhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata, majlis itu turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor, Dr Anhar Opir; Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehudin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Istana Jema'ah Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Disember 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah tetapi bercerai pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu Tengku

Zerafina, 47, Tengku Zatashah, 43, hasil perkahwinan dengan Raja Zarina dan Tengku Amir Shah (kini Raja Muda Selangor), 26.

## Tengku Amir Shah zahir kegembiraan

Sementara itu, Tengku Amir Shah menerusi laman sosial Instagram milik baginda 'rmselangor' menzahirkan kegembiraan dengan pernikahan itu.

Baginda turut memuat naik gambar bersama ayahandanya itu serta menggambarkan keakraban hubungan mereka adalah sama seperti orang lain.

"Dia memberi beta kehidupan, berkorban untuk beta, membesarkan beta menjadi seorang lelaki, memimpin beta di saat memerlukan dan menjadi contoh terbaik kepada beta untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat," tulis baginda.

Tengku Amir Shah menggambarkan ayahandanya itu sebagai seorang lelaki yang kuat semangat, pejuang yang berani, Sultan yang bijaksana dan disayangi rakyat.

"Tiada apa yang boleh diucap selain kagum dengan lelaki ini yang beta panggil ayahanda. Beta akan sentiasa menyokong dan berada di belakang ayahanda dan berbangga menjadi anakmu. Alhamdulillah dan tahniah ayahanda! Beta adalah orang yang paling gembira," tulis baginda.

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



[FOTO IHSAN PEMBACA]

**Sultan Sharafuddin bernikah dengan Norashikin di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pada 31 Ogos lalu.**

## Sultan Selangor diijabkabulkan dengan Norashikin di Masjid Istana Diraja Alam Shah. **Kahwin kali ketiga pada usia 71 tahun**

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**S**HAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijabkabulkan dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, Rabu lalu. Sultan Sharafuddin yang berusia 71 tahun memilih Norashikin yang berperwatakan lemah lembut dan berumur 45 tahun sebagai isterinya.

Jarak usia baginda dengan isterinya yang berasal dari Kuala Lumpur ialah 26 tahun. Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abdul Wahid.

Menurutnya, pernikahan tersebut disaksikan oleh Tim-

balan Mufti, Dr. Anhar Opir dan Al Fadil Imam Paduka Masjid Istana Diraja, Mohd. Rasid Mahful:

Turut hadir menyaksikan majlis itu ialah bekas Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar dan Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehuddin Saidin selain bapa serta ahli keluarga pihak pengantin perempuan.

Mohamad Munir memberitahu majlis ijab kabul itu diadakan secara ringkas dan sederhana seperti yang ditahankan oleh baginda.

Bagaimanapun, beliau menyatakan istiadat pemasyhuran yang turut memungkinkankan Norashikin diisytiharkan sebagai Tengku Permaisuri Selangor akan diumumkan tidak lama lagi.

“Kita (pihak istana) akan kelu-

arkan kenyataan lain mengenai perkara (pemasyhuran) itu nanti. Apa yang kita umumkan hari ini (semalam) ialah mengenai majlis ijab kabul baginda dengan Norashikin,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sultan Sharafuddin di-puterakan di Istana Jema'ah Klang yang kini dikenali Kolej

Islam Sultan Alam Shah pada 24 Disember 1945.

Majlis perkahwinan dengan Norashikin merupakan yang ketiga selepas baginda melangsungkan perkahwinan pertama dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada tahun 1968 namun berpisah pada 1988.

Hasil perkahwinan itu, pasangan diraja itu dikurniakan dua puteri, Tengku Zerafina dan Tengku Zatashah.

Baginda kemudian berkah-

win dengan Puan Nur Lisa Idris Abdullah, warga Amerika Syarikat, pada tahun 1988 sebelum berpisah pada 1997.

Sultan Sharafuddin mempunyai seorang putera, Tengku Amir Shah, 25, yang kini Raja Muda Selangor hasil perkahwinan baginda dengan Puan Nur Lisa.

Dalam pada itu, Norashikin merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik.

Beliau sebelum ini mempunyai dua orang anak iaitu Nur Amanda dan Adam Salleh Mustapa masing-masing berusia 17 dan 14 tahun hasil perkahwinan terdahulunya dengan seorang juruterbang pesawat komersial, Mustapha Kamal Halim.

Norashikin pernah meraih Anugerah Penyampai Berita Televisyen Terbaik pada Anugerah Seri Angkasa 2004.

### INFO Biodata Norashikin Abdul Rahman

**Nama:** Norashikin Abdul Rahman

**Umur:** 45 Tahun

**Asal:** Kuala Lumpur

**Bilangan adik-beradik:** Anak bongsu daripada tiga beradik

**Pendidikan:** Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur

**Pekerjaan:** - Penyampai berita RTM  
- Pernah bertugas sebagai pramugari MAS  
- Pengacara sambilan


**Anugerah:** Penyampai Berita Televisyen Terbaik Anugerah Seri Angkasa 2004

**Anak:** Mempunyai dua orang anak, Nur Amanda, 17 dan Adam Salleh, 14, hasil daripada perkahwinan terdahulu dengan seorang juruterbang, Mustapha Kamal Halim





**SULTAN Sharafuddin melangsungkan pernikahan dengan Norashikin pada Rabu lalu.**



**INILAH Masjid Istana Diraja Alam Shah, Klang tempat Sultan Selangor diijabkabulkan dengan Norashikin. – Gambar hiasan**



**GAMBAR yang disiarkan di media sosial semalam menunjukkan Sultan Sharafuddin menyarungkan cincin pada jari manis Norashikin di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.**

# Tengku Amir Raja Muda ucap tahniah kepada ayahanda

**SHAH ALAM** - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan mengucapkan tahniah kepada ayahandanya, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang memilih pembaca berita Radio Televisyen Malaysia, Norashikin Abdul Rahman sebagai isteri baginda.

Tengku Amir dalam satu kenyataan yang dimuat naik menerusi akaun Instagram menzahirkan perasaan syukur mengenai berita perkahwinan itu.

“Alhamdulillah dan tahniah ayahanda! Saya gembira untuk ayahanda,” katanya.

Dalam pada itu, Tengku Amir turut menyifatkan ayahandanya sebagai contoh terbaik kepada dirinya untuk menjadi seorang pemimpin yang baik.

“Saya akan sentiasa menyokong dan berdiri di belakng sebagai pahlawan ayahanda, saya sentiasa berbangga menjadi anakmu,” katanya.



TENGGU AMIR SHAH

## Norashikin disenangi rakan setugas di RTM

**KUALA LUMPUR** - Rakan penyampai berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) menganggap isteri kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Norashikin Abdul Rahman sebagai seorang yang lemah lembut dan suka merendah diri. Ketua Penyampai Berita Televisyen RTM, Fathil Hidayat Ghazali berkata, sikap Norashikin itu menyebabkan be-

liau mudah didekati dan disenangi terutamanya ketika bertugas mengendalikankan Berita Nasional 8 di TV1. "Penyampai berita dan pengacara memang ramai tetapi tidak semua mempunyai kualiti seperti pertanya malah beliau juga mesra dan mudah bergaul dengan orang ramai," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam. Fathil Hidayat memberitahu, Norashikin mengambil cuti selama dua minggu untuk menguruskan hal peribadi dan beliau akan berbincang dengan pihak pengurusan berita RTM selepas pulang

bercuti dari luar negara. Seorang lagi rakan setugas, Wan Lukman Mohd. Fisol berkata, Norashikin seorang yang berpendirian tegas tetapi mudah mesra dengan rakan-rakan. Katanya, sikap itu menyebabkan beliau mudah menjalin kerjasama sepanjang dua tahun mereka membaca berita secara bersama.



FATHIL HIDAYAT

WAN LUKMAN

# Pernikahan sensasi kerabat diraja

**KUALA LUMPUR** – Pernikahan selebriti dengan Sultan dan kerabat diraja sememangnya bukan perkara baru di Malaysia namun setiap kali ada personaliti membabitkan golongan tersebut berkahwin ia menjadi sensasi dan menarik perhatian ramai.

Dalam kalangan pasangan enggang dan burung pipit tersebut, ada antara pernikahan itu kekal sehingga ke akhir hayat namun begitu, ada juga beberapa jodoh pasangan keluarga diraja itu hanya separuh jalan.

Pada era 1950-an, seniwati Norizan Muhammad Noor disunting Sultan Perak ke-32 iaitu Sultan Yusof Izzuddin Shah.

Bagaimanapun, pasangan diraja tersebut bercerai sebelum Norizan kemudian men-

jadi isteri kepada Seniman Agung, Tan Sri P. Ramlee.

Pada 1963, primadona filem Melayu, Maria Menado dilamar Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Selepas bergelar isteri kepada keluarga diraja, Maria memilih untuk bersara daripada dunia seninya.

Perkahwinan Maria dengan Almarhum Sultan Abu Bakar dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu Tengku Norashikin, Tengku Idris dan Tengku Baharuddin.

Cinta Sultan Abu Bakar kepada Maria berpanjangan sehingga ke penghujung hayat baginda.

Selepas itu, Maria hidup bersendirian bertemankan anak-anak mereka sebelum wanita itu bertemu jodoh

dengan ahli perniagaan, Datuk Dr. Mohd. Husain Yusof pada 1978.

Kisah kerabat diraja Pahang berkahwin dengan selebriti diteruskan dengan penyanyi jelita era 1960-an, Rafeah Buang dilamar Datuk Paduka Maharaja Lela Pahang, Datuk Tengku Asmawi Tengku Hussain pada 1970.

Pasangan itu dikurniakan tiga orang putera iaitu Tengku

Ahmad Ashraf, Tengku Khairil Ashraf dan Tengku Amirul Ashraf sebelum Rafeah Buang menghembuskan nafas terakhirnya pada 24 Julai 2002 akibat kanser payudara.

Perkahwinan penyanyi Mazuin Hamzah dengan adinda Sultan Brunei, Pengiran Muda Sufri Bolkihah pada 1987 turut menarik perhatian peminatnya.

Jodoh Mazuin yang merupakan anggota kugiran Quinary M bagaimanapun tidak panjang apabila bercerai pada Disember 2003.

Bekas wartawan TV3, Azrinaz Mazhar Hakim pula berkahwin dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkihah pada 20 Ogos 2005 dan pasangan itu dikurniakan dua cahaya mata iaitu Pengiran Muda Abdul Wakeel dan Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkihah.

Bagaimanapun, pada 16 Jun 2010, Sultan Hassanal Bolkihah dan Azrinaz bercerai dengan talak satu.

Selain pasangan-pasangan yang dinyatakan tersebut, terdapat banyak lagi selebriti wanita yang menerima lamaran kerabat diraja untuk dijadikan permaisuri dalam hidup mereka.

## INFO

### Selebriti kahwin Sultan, kerabat diraja

- Seniwati Norizan Muhammad Noor berkahwin dengan Sultan Perak, Sultan Yusof Izzuddin Shah pada 1954
- Seniwati Maria Menado berkahwin dengan Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 1963
- Penyanyi Rafeah Buang berkahwin dengan Datuk Paduka Maharaja Lela Pahang, Datuk Tengku Asmawi Tengku Hussain pada 1970
- Personaliti TV3, Habibah Yusof berkahwin dengan adinda Sultan Pahang, Tengku Abdullah Sultan Abu Bakar pada 1986
- Penyanyi Mazuin Hamzah berkahwin dengan adinda Sultan Brunei, Pengiran Muda Sufri Bolkihah pada 1987. Mereka kemudian bercerai
- Penyanyi Fauziah Latiff berkahwin dengan kerabat diraja Selangor, Syed Budriz Putra Syed Amir Zainal Abidin Jamalullail pada 1992. Mereka kemudian bercerai
- Pelakon Julia Rais berkahwin dengan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pada 1993
- Pengacara Paula Malai Ali berkahwin dengan kerabat diraja Kedah, Tunku Azudin Shah Tunku Anuar pada 2002
- Bekas wartawan TV3, Azrinaz Mazhar Hakim berkahwin dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkihah pada 2005. Mereka kemudian bercerai

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



NORIZAN



MARIA MENADO



RAFEAH BUANG



HABIBAH



FAUZIAH



JULIA



PAULA



AZRINAZ



MAZUIN dan Pengiran Muda Sufri Bolkiah ketika bergelar suami isteri pada 1987.

Kes pertama seorang wanita di Klang dijangkiti Zika buat penduduk jadi gelisah

# Penduduk Bandar Botanic panik

**KLANG** – Penduduk di Bandar Botanic di sini gundah-gulana mengenai tahap keselamatan mereka selepas seorang wanita dari kawasan perumahan itu di-sahkan dijangkiti virus Zika kelmarin.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, rata-rata penduduk yang risau dengan perkembangan tersebut mula menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan lebih agresif kerana khuatir virus tersebut boleh menjangkiti mereka.

Seorang penduduk, **Tee Song Thye, 55**, berkata, meskipun kawasan perumahannya bukanlah lokasi panas demam

denggi namun pengumuman bandar ini yang mencatat kes demam denggi tertinggi di Selangor amat membimbangkan dia sekeluarga.

“Sebab itu satu tindakan segera dan proaktif perlu diambil oleh pihak berkuasa tempatan kerana ia bukan sahaja untuk keselamatan penduduk malah seluruh negara,” katanya ketika ditemui di kediamannya di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, **Loo Lee Wong, 48**, yang senada dengan Song

Thye, mendakwa, sepanjang peng- etahuannya, kes denggi di peruma- hannya semakin meningkat.

“Itu semua berlaku kerana cuaca sekarang yang tidak menentu. Pada sebelah siang, cuaca sangat panas dan ia amat sesuai untuk nyamuk aedes membiak,” ujarinya.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai **Goh, 37**, pula

mahu kerajaan memberi penera- ngan lebih jelas dan terperinci ten- tang virus Zika.

“Ramai penduduk yang masih tidak tahu secara terperinci tentang virus ini dan usaha penerangan oleh pihak berwajib perlu dilakukan. Ini termasuklah cara menghindarinya, kesannya kepada mangsa dan adakah ia membawa maut,” ujarinya.

Semalam, Menteri Kesihatan, Da- tuk Seri Dr. S. Subramaniam menge- sahkan seorang wanita berumur 58 tahun yang tinggal di Bandar Botanic, Klang dijangkiti virus Zika.

Mangsa difahamkan terkena jangkitan tersebut ketika melawat anaknya yang dijangkiti virus sama di Singapura.

Lima rakyat Malaysia yang bekerja di negara jiran itu turut disahkan di- jangkiti virus berkenaan.



SONG THYE



LEE WONG



KAWASAN perumahan Bandar Botanic di Klang, lokasi mangsa pertama dijangkiti virus Zika di negara ini.

# Tindakan keluar daripada mesyuarat FAS tiada kaitan agenda politik Exco mula persoal kuasa Hisham

**T**INDAKAN ahli Exco Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang keluar awal dari pada mesyuarat Exco FAS dipercayai berpunca daripada rasa tidak berpuas hati selain memersoalkan 'kuasa' Penolong Pengurus skuad Gergasi Merah, Noor Hisham Mohd. Ghouth yang dianggap melebihi kuasa presiden.

Menurut satu sumber, barisan Exco FAS mula menimbulkan keraguan ke atas Hisham yang didapati memiliki 'kuasa' untuk melantik jurulatih skuad Gergasi Merah tanpa mengadakan sebarang mesyuarat atau persetujuan daripada Exco FAS.

Dakwanya, Presiden FAS, Datuk Seri Azmin Ali tiada masalah untuk meluluskan apa sahaja permintaan Hisham biarpun sebenarnya setiap tindakan beliau itu sebenarnya memerlukan persetujuan barisan Exco FAS bukannya melalui dengan membuat setiap keputusan secara peribadi.

"Senario yang berlaku dalam persatuan dan pasukan sangat berbeza. Ia tidak sama. Ada segelintir individu di dalam FAS sendiri tidak menghormati orang lama seperti Setiausaha Agung FAS) Rosman Mohd. Ibrahim dan (Bendahari FAS) Datuk S. Sivasundram.

"Saya pelik mengapa Hisham diberikan 'kuasa' untuk menentukan segala-galanya? Mengapa salahkan Rosman dan Sivasundram sedangkan mereka menjaga kebajikan dan gaji pemain yang mana tiada masalah tetapi mereka menjadi 'kambing hitam' di atas prestasi teruk Selangor.

"Sedangkan pemilihan jurulatih seperti Mehmet Durakovic dan Zainal Abidin Hassan adalah keputusan Hisham yang mendapat restu Presiden FAS (Azmin). Mereka telah merosakkan bola sepak Selangor apabila banyak membazir wang dengan menebus kontrak jurulatih-jurulatih ini yang belum lagi tamat dengan perjanjian asal mereka.

"Kenapa Hisham diberikan keistimewaan yang begitu besar? Mengapa mere-

ka membelakangkan barisan Exco lain sebagaimana rutin untuk memilih jurulatih baharu Selangor dengan mengadakan mesyuarat, bukannya melantik individu itu sesuka hati kerana kesan itu terpalit kepada barisan Exco FAS," katanya semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan, beberapa Exco FAS bertindak keluar daripada mesyuarat FAS selepas baru berlangsung selama 20 minit di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Shah Alam.

Mesyuarat itu dikatakan menjadi 'panas' apabila banyak berlaku adegan bertikam lidah di antara Exco FAS dengan Azmin.

Difahamkan, terdapat sembilan agenda yang bakal dibincangkan iaitu tujuh perkara membabitkan pasukan dan dua lagi berhubung isu yang memaksa dua pegawai kanan itu meletakkan jawatannya.

Agenda lain pula membabitkan pasukan yang sepatutnya dibincangkan adalah mengenai gaji pemain, sewaan Stadium Shah Alam dan penswastaaan pasukan Selangor.

Tambah lagi sumber itu, kewujudan syarikat Red Giant Sdn. Bhd. yang didaftarkan Hisham bersama pengurus pasu-

kan, Amirudin Shari (**gambar**) jelas menimbulkan keraguan biarpun menggunakan alasan untuk menswastakan pengurusan FAS.

"Mengapa syarikat yang didaftarkan sejak tahun lalu itu wujud? Mengapa kedua-dua nama didaftarkan sebagai pengarah syarikat terbabit? Bukankah presiden (Azmin) atau timbalannya (Datuk Seri Mokhtar Ahmad) sendiri lebih layak?

"Secara tidak langsung, ia telah mewujudkan konflik berkepentingan. Saya tidak menuduh apa-apa tetapi penubuhan syarikat ini juga perlu dimaklumkan kepada Exco FAS. Jika tidak, ia akan menimbulkan lebih banyak negatif berbanding positif.

"Saya terdengar kononnya pertelagahan itu berpunca daripada perbezaan fahaman politik tetapi itu tidak benar kerana segelintir Exco FAS lebih berminat untuk menjaga bola sepak Selangor daripada kepentingan peribadi," katanya.

Dalam pada itu, *Kosmo!* cuba mendapatkan respons Amirudin tetapi beliau kini berada di Mekah sementara Hisham gagal dihubungi.

03 Sep 2016  
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 62 • Printed Size: 317.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,227.00  
PR value: MYR 24,681.00 • Item ID: MY0026938857



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## Sultan Selangor selamat diijab kabal dengan pembaca berita RTM

**SHAH ALAM:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabal dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pada 31 Ogos lepas.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani dalam satu kenyataan berkata, Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam majlis pernikahan yang sederhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata pernikahan turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor Dr Anhar Opir; Al Fadil Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor

Datuk Salehuddin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Istana Jema'ah Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Dis 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah (rakyat Amerika) tetapi bercerai pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu Tengku Zerafina, 47, Tengku Zatashah, 43, dan Tengku Amir Shah (kini Raja Muda Selangor), 26.

Norashikin, 45, yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik.

— Bernama

## Mansuh diskaun Bumiputera: Selangor laksana konsep 'Malaysian Malaysia'?

**KUALA SELANGOR:** Tindakan memansuhkan diskaun 10 peratus Bumiputera bagi pembelian pangsapuri perkhidmatan, rumah pejabat (SOHO) dan pejabat maya di rumah (SOVO) menunjukkan seolah-olah kerajaan negeri Selangor telah mula menyahut konsep 'Malaysian Malaysia' yang diperjuangkan oleh DAP.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata DAP sememangnya dari dahulu lagi diketahuinya memperjuangkan konsep itu yang menekankan hak kesamarataan bagi semua kaum.

"Sama ada harga rumah berjaya diturunkan (dengan pemansuhan diskaun 10 peratus) itu adalah antara kerajaan negeri dan pemaju.

"Persoalannya sekarang ialah bagaimana dengan hak Bumiputera di Selangor seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan? Kalau tiada beza antara Bumiputera dan kaum lain bermakna konsep 'Malaysian Malaysia' telah dilaksanakan di Selangor,"

katanya kepada pemberita di sini semalam.

Kerajaan Selangor sebelum ini mengumumkan pemansuhan diskaun 10 peratus golongan Bumiputera bagi pembelian tiga jenis rumah tersebut berkuat kuasa kelmarin (1 Sept).

Langkah itu menimbulkan kegelisahan golongan Bumiputera yang meminta kerajaan negeri mempertimbang semula tindakan itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika diminta mengulas mengenai desakan itu memberi alasan pemberian diskaun 10 peratus kepada semua kaum untuk pembelian tiga jenis perumahan itu adalah disebabkan harganya yang mahal.

Noh berkata berbeza dengan kerajaan negeri, kerajaan pusat yang diterajui oleh UMNO sentiasa mempertahankan hak keistimewaan Bumiputera dan perkara itu diterjemahkan melalui pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini yang meletakkan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional.

— Bernama

## ***Sultan Selangor selamat diijab kabul dengan Norashikin, pembaca berita RTM***

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabul dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pada 31 Ogos lepas.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani dalam satu kenyataan berkata, Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid

dalam majlis pernikahan yang sederhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata pernikahan turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor Dr Anhar Opir; Al Fadil Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor Datuk AbdulMajid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor Datuk Salehuddin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Istana Jema'ah

Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Dis 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah (rakyat Amerika) tetapi bercerai pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu

Tengku Zerafina, 47, Tengku Zatahah, 43, dan Tengku Amir Shah (kini Raja Muda Selangor), 26.

Norashikin, 45, yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik.

Beliau pernah bertugas sebagai pramugari dan mempunyai dua orang anak, Nur Amanda, 17 dan Adam Salleh, 14 daripada perkahwinan terdahulu dengan seorang juruterbang Mustapha Kamal Halim. -Bernama

03 Sep 2016  
Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: A1  
Printed Size: 192.00cm<sup>2</sup> • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color  
Ad Value: MYR 674.91 • PR value: MYR 2,024.73 • Item ID: MY0026939264



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# Waspada Zika

## ► S'wak ambil langkah berjaga-jaga dengan pengesahan kes pertama di Semenanjung

**KUCHING:** Sarawak mengambillangkah berjaga-jaga dan lebih berhati-hati dalam mengendalikan kes jangkitan virus Zika jika dikesan berlaku di negeri ini.

Menteri Muda Kesihatan Awam Datuk Dr Jerip Susil berkata, sebagai langkah berjaga-jaga awal, Jabatan Kesihatan Negeri memulakan pemeriksaan kesihatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) khususnya ke atas penumpang atau orang yang datang dari Singapura.

"Cara virus Zika merebak berbeza dengan demam denggi walaupun vektornya sama iaitu nyamuk Aedes.

"Demam denggi merebak dari nyamuk kepada manusia, tetapi Zika merebak dari manusia ke manusia dan apabila ia berlaku, amat sukar dibendung," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Tambahnya, satu mesyuarat bersama Jabatan Kesihatan Negeri akan diadakan untuk membincangkan isu itu dengan lebih terperinci supaya langkah pencegahan terbaik dikenal pasti selain memastikan Sarawak bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Menurut Dr Jerip, jangkitan virus Zika berlaku daripada manusia kepada manusia menerusi cecair badan menjadikannya lebih berbahaya berbanding denggi.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan memandangkan Sarawak

**“Sebagai langkah berjaga-jaga awal, Jabatan Kesihatan Negeri memulakan pemeriksaan kesihatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) khususnya ke atas penumpang atau orang yang datang dari Singapura.”**



**DATUK DR JERIP SUSIL**  
Menteri Muda Kesihatan Awam

kini berdepan masalah demam denggi yang agak tinggi memungkinkan usaha membendung penularan virus Zika sukar.

"Wujud risiko jangkitan virus Zika merebak ke Malaysia amnya dan Sarawak khasnya kerana kita ketika ini berdepan masalah denggi disebarkan oleh nyamuk sama," jelasnya.

Dr Jerip menambah, virus Zika menyerang semua peringkat umur serta jantina dan tidak membawa maut tetapi amat berbahaya kepada wanita mengandung kerana ia boleh menyebabkan kecacatan kekal terhadap bayi.

Katanya, bayi yang lahir daripada ibu dijangkiti virus Zika akan mengalami 'microcephaly' iaitu kelahiran bayi dengan kepala atau otak mengecil serta gejala saraf (Gillain-Barre).

"Inilah yang sebolehnya kita elak daripada berlaku seperti dialami negara

Brazil, satu bebanan kepada keluarga, bayi dan negara," ujarnya.

Oleh itu, katanya, langkah pencegahan terbaik ialah rakyat Sarawak atau negara ini yang mengunjungi Singapura perlu melakukan pemeriksaan kesihatan di sana sebelum pulang ke tanah air.

Ini kerana ada kes tidak menunjukkan gejala dijangkiti virus berkenaan seperti demam, bintik-bintik di badan serta sakit sendi.

"Maka semua mesti memainkan tanggungjawab iaitu menjaga kebersihan, penduduk dan pihak berkuasa tempatan harus menghapuskan tempat berpotensi nyamuk bertelur," katanya.

Semalam Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan kes pertama dijangkiti virus Zika di Malaysia dikesan, mangsa seorang wanita yang baharu pulang dari Singapura melawat anaknya di situ.

Menterinya Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata wanita berkenaan mengunjungi anak perempuannya di Singapura pada 19 Ogos dan pulang ke tanah air dua hari kemudian.

Wanita berusia 58 itu yang menetap di Bandar Botanic, Klang datang mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta di Klang selepas mula mendapat gejala ruam, seminggu selepas pulang dari negara jiran terbabit.

Beliau memberitahu pada satu sidang media di ibu negara, wanita berkenaan dilapor mula demam dan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh untuk pemeriksaan.

Menurut Dr S. Subramaniam, ujian air kencing yang dijalankan ke atas wanita berkenaan, mengesahkan dia dijangkiti virus berkenaan.

Bagaimanapun, ujian ke atas suaminya yang turut sama ke Singapura didapati negatif.

Katanya, anak wanita berkenaan di Singapura disahkan dijangkiti virus Zika pada 30 Ogos lalu oleh pihak berkuasa kesihatan Singapura.

Setakat ini, Singapura telah mencatatkan lebih 115 kes jangkitan Zika dengan lima orang daripadanya adalah rakyat Malaysia yang dipercayai bekerja di sana.

kerja-kerja pencegahan pemusnahan tempat pembiakan dan 'larvaciding' dengan penyemburan 'water base fogging' di kawasan rumah pesakit virus Zika di Taman Botanic, Klang, Selangor semalam. - Bernama

Tindakan keluar dari Mesyuarat Exco FAS tidak berkait agenda politik

# Barisan Exco persoal 'kuasa' Hisham melebihi presiden

Oleh FADHILUL IZMEL ISHAK  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 SEPT.

**T**INDAKAN ahli Exco Persekutuan Bola Sepak Selangor (FAS) yang keluar awal dari Mesyuarat Exco FAS dipercayai berpunca daripada rasa tidak puas hati selain mempersoalkan 'kuasa' sebenar penolong pengurus pasukan Selangor, Noor Hisham Mohd. Ghouth yang dianggap bertindak melebihi batas kuasa presiden sendiri.

Menurut sumber rapat yang dengan FAS, barisan Exco FAS mula mempertikaikan tindakan Hisham yang didapati memiliki 'kuasa' untuk melantik jurulatih skuad Gergasi Merah tanpa mengadakan sebarang mesyuarat atau mendapatkan persetujuan barisan ahli Exco FAS.

Jelasnya lagi, Presiden FAS, Datuk Seri Azmin Ali tidak memberikan masalah untuk meluluskan apa sahaja permintaan Hisham walaupun sebenarnya setiap tindakan beliau itu sebenarnya memerlukan persetujuan daripada ahli-ahli Exco FAS yang

lain, bukannya membuat setiap keputusan secara peribadi.

"Senario yang berlaku di dalam persatuan dan pasukan sangat berbeza. Ia tidak pernah sama. Ada segelintir individu di dalam FAS sendiri tidak menghormati orang lama seperti (Setiausaha Agung FAS) Rosman Mohd. Ibrahim dan (Bendahari FAS) Datuk S. Sivasundram.

"Saya pelik mengapa Hisham diberikan 'kuasa' untuk menentukan segala-galanya? Mengapa salahkan Rosman dan Sivasundram sedangkan mereka menjaga kebajikan dan gaji pemain yang sehingga kini tiada masalah tetapi mereka menjadi 'kambing hitam' di atas prestasi teruk Selangor.

"Sedangkan pemilihan jurulatih seperti Mehmet Durakovic dan Zainal Abidin Hassan adalah keputusan Hisham sendiri yang mendapat restu Presiden FAS (Azmin). Mereka telah merosakkan bola sepak Selangor apabila banyak membazir wang dengan menebus kontrak jurulatih-ju-

luratih ini yang belum lagi tamat dengan perjanjian asal mereka.

"Kenapa Hisham diberikan keistimewaan yang begitu besar? Mengapa mereka membelakangkan barisan Exco-Exco yang lain sebagaimana rutin untuk memilih jurulatih baharu Selangor dengan mengadakan mesyuarat, bukannya melantik individu itu dengan sesuka hati kerana kesan itu terpalit kepada kesernua Exco FAS sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Sebelum ini dilaporkan, beberapa ahli Exco FAS meninggalkan Mesyuarat Exco FAS kira-kira 20 minit selepas ia bermula di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Shah Alam, selepas pertemuan itu menjadi 'panas' apabila lebih banyak bertikam lidah di antara ahli Exco FAS dengan Azmin.

Difahamkan, terdapat sembilan agenda yang bakal dibincangkan iaitu tujuh perkara menyangkut pasukan dan dua lagi berhubung isu memaksa dua pegawai kanan

itu meletakkan jawatannya.

Antara agenda lain pula membabitkan pasukan yang sepatutnya dibincangkan adalah mengenai gaji pemain, sewaan Stadium Shah Alam dan penswastaaan pasukan Selangor.

Tambah sumber itu, yang enggan dikenali, kewujudan syarikat Red Giant Sdn. Bhd yang didaftarkan Hisham bersama pengurus pasukan Amirudin Shari juga dipertikaikan kerana ahli Exco belum memberikan persetujuan untuk menswastakan pengurusan pasukan.

"Mengapa syarikat yang didaftarkan sejak tahun lalu itu wujud? Mengapa kedua-dua nama didaftarkan sebagai pengarah syarikat terbabit? Bukankah presiden (Azmin) atau timbalannya (Datuk Seri Mokhtar Ahmad) sendiri lebih layak?"

"Secara tidak langsung, ini telah mewujudkan konflik berkepentingan. Saya tidak menuduh apa-apa tetapi penubuhan syarikat ini juga perlu dimaklumkan kepada ahli Exco FAS sendiri. Jika tidak, akan menimbulkan lebih banyak pandangan negatif berbanding positif," katanya.





## SULTAN SELANGOR PILIH NORASHIKIN

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memilih pembaca berita RTM, Norashikin Abdul Rahman sebagai pasangan hidupnya.

Pasangan itu diijabkabulkan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, Rabu lalu dalam satu majlis ringkas.

**BERITA PENUH, LAGI GAMBAR DI MUKA 4**

# Sultan Selangor pilih Norashikin

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 2 SEPT.**

**S**ULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memilih personaliti televisyen sebagai pasangan hidupnya, selepas pasangan itu diijabkabulkan dalam satu majlis yang diadakan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, Rabu lalu.

Baginda selamat diijabkabulkan dengan Norashikin Abdul Rahman, 45, oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abdul Wahid serta disaksikan Timbalan Mufti, Dr. Anhar Opir dan Imam Paduka Tuan, Mohd. Rasid Mahful.

Yang turut hadir menyaksikan majlis itu ialah bekas Timbalan

Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar dan Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehuddin Saidin serta bapa dan ahli keluarga pihak pengantin perempuan.

Pemakluman mengenai majlis itu dibuat Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani dalam kenyataan yang dikeluarkan Istana Alam Shah, hari ini.

Mohamad Munir ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan menegaskan bahawa majlis ijab kabul berkenaan diadakan secara ringkas dan sederhana sebagaimana yang ditahankan oleh baginda.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bilakah istiadat pemasyhuran yang turut memungkinkannya Norashikin diisytiharkan sebagai Tengku Permaisuri Selangor akan diadakan.

“Kita (pihak istana) akan keluaran kenyataan lain mengenai perkara (pemasyhuran) itu kemudian. Yang kita umumkan hari ini ialah mengenai majlis ijab kabul antara baginda dengan Norashikin,” ujarnya.

Norashikin merupakan pengacara serta penyampai berita di Radio Televisyen Malaysia (RTM), berasal dari Kuala Lumpur dan merupakan anak bongsu daripada tiga beradik.

Beliau sebelum ini dilaporkan mempunyai dua orang anak iaitu Nur Amanda dan Adam Salleh, masing-masing berusia 17 dan 14 tahun, hasil perkahwinan terdahulunya dengan seorang juruterbang pesawat komersial, Mustapha Kamal Halim.

Norashikin pernah meraih anu-

gerah Penyampai Berita TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa 2005 (ASA2005).

Majlis itu merupakan perkahwinan ketiga baginda.

Perkahwinan pertama baginda ialah dengan Raja Zarina Raja Zainal pada 1968 dan dikurniakan dua orang puteri, Tengku Zerafina dan Tengku Zatashah. Bagaimanapun, jodoh baginda dengan Raja Zarina berakhir pada 1986.

Baginda kemudiannya melangsungkan perkahwinan kedua dengan Puan Nur Lisa Idris Abdullah, seorang rakyat Amerika Syarikat pada 1988 sehingga Jun 1997.

Hasil pernikahan kedua itu, baginda dikurniakan seorang putera, Tengku Amir Shah yang ketika ini merupakan Raja Muda Selangor.

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**NORASHIKIN ABDUL RAHMAN**



**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH** berkenan untuk menyarung cincin ke jari manis Norashikin Abdul Rahman selepas mereka diijabkabulkan dalam satu majlis di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, Rabu lalu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



NORASHIKIN ABDUL RAHMAN bersama dua orang anaknya, Nur Amanda dan Adam Salleh hasil perkahwinan terdahulu.

## Pembaca berita disegani

Oleh KHADIJAH IBRAHIM  
 pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 2 Sept.** - Sehari sebelum mengambil cuti selama dua minggu, Norashikin Abdul Rahman tetap meneruskan rutিনnya seperti biasa iaitu membaca Berita Nasional pada pukul 8 malam, 31 Ogos lalu.

Ketua Penyampai Berita TV Radio Televisyen Malaysia (RTM), Fathilhidayat Gazali yang juga penerbit pada malam itu berkata, Norashikin tidak sedikit pun menunjukkan reaksi yang beliau telah melangsungkan pernikahan pada sebelah pagi.

Sebaliknya, beliau hanya memberitahu bakal bercuti selama dua minggu bermula 1 hingga 14 September ini dan akan bertemu dengan pihak pengurusan RTM sekembali bercuti dari luar negara.

"Saya memang terkejut apabila dapat tahu berita pernikahannya. Sebelum ini Kak Shikin tidak pernah cerita apa-apa dan hanya cakap ada perkara besar nak beritahu tapi tunggulah dia balik dari bercuti nanti.

"Rupa-rupanya perkara besar

yang dia nak cakap itu, cerita hangat hari ini. Saya faham, dia mungkin tidak boleh bercerita sembarangan. Apapun saya tumpang gembira dengan pernikahan Kak Shikin dengan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah," kata Fathilhidayat kepada *Utusan Malaysia*.

Bercerita lanjut tentang sahabat yang dikenalnya sejak 1996, Fathilhidayat berkata, Norashikin, 45, mula membaca berita di stesen televisyen berkenaan sejak tahun tersebut sehingga 31 Ogos lalu.

Katanya, kemunculan Norashikin di layar kaca sentiasa dinanti kerana beliau merupakan seorang pembaca berita yang konsisten dan sebutannya amat jelas.

"Kak Shikin ada aura tersendiri bila baca berita. Belum ada yang boleh ganti dia. Kami bukan sahaja sering digandingkan membaca berita bersama, malah setiap kali pihak RTM mengadakan majlis rasmi, saya dan Kak Shikin akan bekerjasama sebagai pengacara terutamanya kalau ada program Konsert Diraja.

"Selain itu saya dan Kak Shikin juga akan bergandingan menjadi pengacara untuk Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) sejak 2008. Kiranya MSAM yang diadakan di Perak, April lalu, mungkin yang terakhir kami bekerjasama," jelasnya yang akan merindui saat-saat bekerjasama dengan isteri Sultan Selangor itu.

Tambah Fathilhidayat, Norashikin antara pembaca berita yang disegani kerana beliau seorang yang disiplin dan sentiasa teruja dalam melaksanakan tugas walaupun sudah lama bekerja.

Katanya, selain itu Norashikin juga disenangi kerana tidak pernah meninggi diri dan sentiasa mesra dengan rakan-rakan sekerja.

"Sangat senang bekerja dengan Kak Shikin kerana dia tidak kedekut ilmu dan mudah mesra dengan siapa sahaja. Dia bukan jenis yang suka bercerita hal peribadi dan sebab itulah sampai dia nikah, kawan-kawan di RTM tidak tahu. Bagaimanapun, dia gemar bercerita perihal dua orang anaknya itu," tambah beliau lagi.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Dato' Lela Bakti  
Sefiusaha Sultn kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor.  
Dato' Lela Bakti  
Private Secretary to H.R.H. The Sultan of Selangor.  
Istana Alam Shah,  
47500 Klang, Selangor,  
Malaysia.

**كَلِمَاتُ تَحْنِيئَةٍ إِلَى سُلْطَانِ سِلَانْجُورِ**

**KENYATAAN AKHBAR**

Saya dengan hormatnya dilitahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ahaj ibni Almarhum Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah Ahaj telah selamat dijabkabulkan dengan Norashikin binti Abdul Rahman oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja 'Mufti Selangor, Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid.

Majlis Pernikahan telah selamat disempurnakan pada pagi 31 Ogos 2016 di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang secara sederhana dan ringkas atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Majlis Pernikahan turut dihadiri oleh Sahibus Samahah Timbalan Mufti Selangor, Dr. Haji Anhar bin Opir, Al Fadil Imam Paduka Tuan, Haji Mohd Rasid bin Mahfuz, Mantan Timbalan Mufti Selangor, Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Majid bin Omar, Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Yang Berbahagia Dato' Salehuddin bin Saidin dan bapa serta ahli keluarga pengantin perempuan.

Dato' Haji Mohamad Munir bin Bani,  
D.P.M.S., J.S.D.  
Dato' Lela Bakti Sefiusaha Sultn  
kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor

Tarikh : 2 September 2016

Istana Alam Shah      Istana Duli Kayangan      Istana Merdeka  
Tel : 603-3371 3411      Tel : 603-5519 3232      Tel : 603-5519 4242  
Fax : 603-3371 4989      Fax : 603-5519 6287      Fax : 603-5519 8218

**KENYATAAN akhbar Istana Selangor mengenai pernikahan Sultan Selangor.**

# Raja Muda ucap tahniah

**SHAH ALAM 2 Sept.** - Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah mengucapkan tahniah serta melahirkan rasa sukacita terhadap ayahandanya, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berkenan memilih personaliti televisyen, Norashikin Abdul Rahman, 45, sebagai teman hidup.



**TENGGU AMIR SHAH**

Baginda dalam satu kenyataan yang dimuat naik menerusi akaun Instagramnya, *rm Selangor* hari ini menzahirkan rasa syukur terhadap perkahwinan itu selain menyatakan akan sentiasa memberikan sokongan terhadap ayahandanya yang sentiasa memberikan contoh terbaik kepadanya.

"Baginda memberikan saya kehidupan, berkorban untuk saya, membawa saya sehingga menjadi

seorang lelaki, membimbing saya di saat saya rasa berduka, menjadi contoh terbaik kepada saya bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin yang baik.

"Baginda seorang yang kuat semangat, seorang pejuang yang berani, seorang sultan penuh kebijaksanaan, belas kasihan dan disayangi oleh rakyatnya. Saya tidak mempunyai apa-apa kecuali rasa

kagum terhadap seorang lelaki ini yang saya panggil ayahanda.

"Saya akan sentiasa menyokong dan berdiri di belakng sebagai pahlawan ayahanda, saya sentiasa bangga menjadi anakmu. Alhamdulillah dan tahniah ayahanda!.. saya amat gembira untuk ayahanda," katanya.

## { BISIK-BISIK }

**AWANG** berkongsi kegembiraan dan keterujaan atas berita perkahwinan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Berita gembira ini begitu dinanti-nantikan khususnya oleh rakyat Selangor.

Sultan Selangor yang akan menyambut Hari Keputeraan ke-71 pada Disember ini diijabkabulkan dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman, 45, pada 31 Ogos lalu dalam suasana ringkas dan sederhana.

Ini adalah perkahwinan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah tetapi bercerai pada 1997.

Dalam kelam-kabut dan persengketaan berterusan sesama ahli politik, berita perkahwinan Sultan Selangor dengan Norashikin ini bukan sahaja menyejuk malah menceriakan keadaan.

Kenyataan akhbar dari Istana Alam Shah tentang pengumuman perkahwinan itu yang dibuat kira-kira pukul 11 pagi dalam sekelip mata menjadi viral. Orang ramai kemudiannya berkongsi gambar dan cerita berkaitan perkahwinan tersebut.

Dalam beberapa jam telefon Awang pun tak berhenti-henti menerima makluman, gambar dan luahan kata-kata kegembiraan atas berita yang tidak dijangka itu.

**AWANG - Tumpang gembira**

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



**PJ Fair turut menjadi platform perniagaan dan promosi produk keluaran tempatan.**

**K**EMERIAHAN terasa apabila 10,000 pengunjung membanjiri Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, Selangor bagi menjayakan *PJ Fair 2016* baru ini.

Memasuki penganjuran kelima, acara bertemakan *Colours of PJ* itu dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik dan menghiburkan.

Berlangsung selama tiga hari, bermula 26 hingga 28 Ogos lalu, *PJ Fair* menyatukan bukan sahaja penduduk setempat, malah luar daerah termasuk pelancong asing.

Semua lapisan masyarakat tidak melepaskan peluang menyertai aktiviti menarik termasuk pertunjukan fesyen, pameran seni, *fleamarket*, *Kids Mania*, *food truck*, *Fun Ride*, pameran kereta klasik dan banyak lagi.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Mohd. Azizi Mohd. Zain memberitahu, *PJ Fair* bermatlamat menyatupadukan masyarakat menerusi program bermanfaat dan menghiburkan. Katanya, penganjuran itu penting bagi mengekalkan semangat setia kaum dalam kalangan komuniti.

"Kami anjurkan satu acara yang setaraf dengan festival antarabangsa. Oleh kerana itu, pengisiannya bersifat pelbagai dan sesuai dengan masyarakat berlainan peringkat umur, dalam dan luar negara.

"Penganjuran memperlihatkan penambahbaikan setiap tahun. Antara paling ketara adalah penglibatan komuniti yang mencatatkan peningkatan.

"Tahun ini mengetengahkan kelainan menerusi program baharu seperti pertunjukan cahaya dan #HAPPYPJSELFIE Malaysia Book of Records yang menjadi tarikan utama buat pengunjung," katanya.

Acara perasmian yang berlangsung pada malam Sabtu lalu turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dalam masa sama, *PJ Fair* turut dihidupkan dengan pertunjukan cahaya, perarakan dan persembahan kebudayaan pelajar dan komuniti serta konsert.

Dalam pada itu, acara turut dimeriahkan dengan kehadiran selebriti tempatan seperti Amy Search, Zamani Slam, Hunny Madu dan ramai lagi. Altimet yang ditemui menyuarakan kegembiraan kerana diberi peluang untuk turut serta.

"Petaling Jaya merupakan daerah yang cukup dekat di hati saya kerana di sini, saya membesar dan mempunyai ramai kenalan. Saya gembira dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan terlibat menjayakan program utama yang melambangkan penyatuan masyarakat di sini," ujarnya. - AL FAIZAL / AMIR KHALID

**10,000**  
jayakan *PJ Fair 2016*

MOHD. AZIZI MOHD. ZAIN merakamkan gambar selfie dalam aktiviti #HAPPYPJSELFIE Malaysia Book Of Records.

## Wujudkan pelan proaktif tangani Zika

**KUALA LUMPUR:** Beberapa persatuan penduduk mencadangkan kerajaan mewujudkan pelan dan langkah proaktif yang boleh dijadikan garis panduan bagi menangani penularan virus Zika di negara ini.

Ia susulan kebimbangan mereka terhadap virus itu selepas laporan kes pertama jangkitannya yang melibatkan seorang wanita di Klang, Selangor kelmarin.

Pengerusi Persatuan Penduduk Bukit Setiawangsa Ahmad Shukri Abdul Shukur berkata setakat ini, tidak ada pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan garis panduan untuk dilaksanakan persatuan penduduk.

Beliau berkata keadaan itu menyebabkan persatuan penduduk tidak mengetahui kaedah dan prosedur yang perlu diambil bagi membendung penularan virus Zika di kawasan masing-masing dan keadaan itu amat membimbangkan mereka.

"Sekarang, kami cuma menjalankan aktiviti biasa seperti menjaga kebersihan dan bergotong-royong menghapuskan tempat pembiakan nyamuk, tetapi prosedur sebenar untuk (bendung) Zika, kami tidak jelas apa perlu dilakukan," katanya kepada Bernama, di sini kelmarin.

Ahmad Shukri berkata berdasarkan interaksinya dengan penduduk setempat juga mendapati pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai Zika amat rendah berbanding wabak lain seperti denggi dan malaria.

Pengerusi Persatuan Penduduk Sering Ukay Datuk Mohammed Arshad Raji berkata pihak berkuasa perlu melaksanakan kempen secara lebih meluas bagi mem-

beri kesedaran kepada orang ramai mengenai Zika.

Beliau berkata PBT dan Jabatan Kesihatan juga disaran melaksanakan program seperti forum dan diskusi mengenai wabak itu bagi memastikan orang ramai faham dan sedar mengenai ancaman dan risiko yang dibawanya.

"Saya rasa perlu ada kempen besar-besaran dan program mendidik seperti kempen hapus denggi, sebab sekarang kita hanya mendapat maklumat yang sedikit mengenai Zika," katanya.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Puncak Jalil Zainuddin Zainal pula berkata PBT dan Jabatan Kesihatan perlu lebih agresif dalam melakukan pemantauan dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan perumahan.

Beliau turut menegaskan agar PBT lebih aktif berinteraksi dan menyalurkan maklumat kepada penduduk bagi memastikan mereka sentiasa peka dengan keadaan persekitaran dan ancaman semasa.

"Kawasan kami ini adalah 'hotspot' denggi, kerana ia kawasan perumahan yang agak besar dan berada bersebelahan kawasan hutan.

"Jadi risiko penyakit daripada nyamuk memang tinggi di sini dan pihak berkuasa tempatan perlu mengambil langkah proaktif bagi mengelak Zika menular di sini," katanya.

Kementerian Kesihatan kelmarin mengesahkan seorang wanita berusia 58 tahun yang menetap di Bandar Botanic, Klang, Selangor positif dijangkiti virus Zika, dan disyaki mendapat gejala itu semasa berkunjung ke Singapura. - Bernama



**SELAMAT DIJAB KABUL...** Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabul dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

## Norashikin pilihan Sultan Selangor

**SHAH ALAM:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabul dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pada 31 Ogos lepas.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani dalam satu kenyataan berkata, Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam majlis pernikahan yang sederhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata pernikahan turut

dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor Dr Anhar Opir; Al Fadil Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor Datuk Salehuddin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Istana Jema'ah Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Dis 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai

pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah (rakyat Amerika) tetapi berpisah pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu Tengku Zerafina, Tengku Zatahah dan Tengku Amir (kini Raja Muda Selangor).

Norashikin, 45, yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik.

Beliau pernah meraih anugerah Penyampai Berita TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa pada 2005 (ASA2005). – Bernama

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**Fuad Hadinata Yaacob, Ayusliza  
Azizan dan Norzamira Che Noh**

hmetroshahalam  
@hmetro.com.my

**lah Alam**

**P**engumuman pernikahan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan personaliti televisyen, Norashikin Abdul Rahman, Rabu lalu bukan saja menggembirakan rakyat Selangor tetapi juga anakanda baginda, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Tengku Amir Shah melalui laman sosial Instagramnya menzahirkan kegembiraan dan ucapan tahniah kepada ayahandanya di atas pernikahan itu.

Tengku Amir menerusi akaun Instagram 'rmselangor' turut memaparkan beberapa gambarnya bersama Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan keterangan beliau sentiasa berbangga menjadi anakanda kepada Sultan Selangor itu.

"Seorang bapa biasa seperti lelaki lain. Hubungan kami juga normal seperti hubungan bapa dan anak yang lain. Ayahanda memberi saya kehidupan, berkorban untuk saya, membesarkan saya menjadi seorang lelaki, menunjukkan arah apabila saya sesat dan menjadi contoh terbaik

kepada saya untuk menjadi pemimpin yang hebat," tulisnya.

Beliau juga menggambarkan bapanya seorang yang kuat semangat, pejuang yang berani serta seorang Sultan yang bijaksana dan dikasihi rakyat.

"Hanya rasa kagum dapat saya berikan kepada lelaki yang saya gelar bapa ini dan saya akan sentiasa memberi sokongan serta berdiri di belakang sebagai pahlawan anda. Selamanya saya berbangga menjadi anak ayahanda.

"Alhamdulillah dan tahniah ayahanda! Saya sangat gembira untukmu," tulis putera tunggal kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah itu lagi.

Sementara itu, Setiausaha Sulit Sultan Selangor Datuk Mohamad Munir Bani berkata, majlis pernikahan Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Norashikin, 45, diadakan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pagi Rabu lalu.

Beliau berkata, ia disempurnakan Mufti Selangor Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid.

Menurutnya, majlis itu turut dihadiri Timbalan Mufti Selangor Dr Anhar Opir,

Imam Paduka Tuan Mohd Rasid Mahful, mantan Timbalan Mufti Selangor Datuk Abdul Majid Omar, Ahli Majlis Agama Islam Selangor Datuk Salehuddin Saidin dan bapa serta ahli keluarga pengantin perempuan.

"Majlis pernikahan ini selamat disempurnakan pada pagi 31 Ogos 2016 di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

"Ia diadakan secara sederhana dan ringkas atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Norashikin yang juga penyampai berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebelum ini pernah berkahwin dengan juruterbang Etihad Airlines, Mustapha Kamal Halim.

Hasil perkahwinan itu mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Nur Amanda, 17, dan Adam Salleh, 14.

Norashikin yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik.

Sebelum ini beliau pernah menerima anugerah Penyampai Berita TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa 2005 (ASA2005).

Sementara itu Sultan

Sharafuddin Idris Shah yang diputerakan pada 24 Disember 1945 di Istana Jemaah, Klang adalah putera sulung Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Nor Saidatul Ihsan Tengku Badar Shah.

Baginda dimahkotakan sebagai Sultan Selangor kesembilan pada 8 Mac 2003 di Istana Alam Shah, Klang selepas ditabalkan sebagai Sultan pada 22 November 2001.

Pada 1968 baginda berkahwin dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal dan dikurniakan dua puteri, Tengku Zerafina dan Tengku Zatahah.

Selepas berpisah pada 1986 dengan Raja Zarina, baginda berkahwin dengan warga Amerika Syarikat, Nor Lisa Idris Abdullah pada 1988 dan dikurniakan putera, Tengku Amir Shah yang kini Raja Muda Selangor.

Pada 1997, baginda berpisah dengan Nor Lisa Idris.

sharulali sembah Tahniah buat keluarga DiRaja Selangor. kami hamba rakyat turut bergembira.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## Rakyat ucap syukur

**Shah Alam:** Rakyat termasuk penjawat awam di negeri ini mengucapkan rasa syukur dan gembira susulan pengumuman pernikahan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan penyampai berita, Norashikin Abdul Rahman, Rabu lalu.

Selain luahan rasa syukur, rakyat turut mengucapkan tahniah dan berdoa ikatan perkahwinan dibina berkekalan hingga ke akhir hayat.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat mengucapkan tahniah dan syabas ke atas Sultan Selangor atas perkahwinan baginda bersama Norashikin.

"Alhamdulillah...patik mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan Tuanku bersama pasangan," katanya.

Sementara itu, menerusi ruangan komen di akaun Instagram Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ramai pengikutnya mengucapkan tahniah dan syukur terhadap pernikahan Sultan Selangor itu.

Salah seorang daripada mereka yang menggelarkan dirinya mazedahartawan menulis 'Tahniah Tuanku, semoga Tuanku panjang umur dan bahagia dunia dan akhirat, Daulat Tuanku'.

Aenzack pula menulis 'Alhamdulillah, kami sebagai rakyat Selangor sangat gembira di atas perkhabaran ini dan akan selalu mendoakan kebahagiaan, kesejahteraan dan dipanjangkan umur Tuanku...amin'.

Wahaibulanpurnama pula menulis 'Alhamdulillah...tahniah buat sekeluarga @rmselangor.. semoga jodoh berpanjangan hingga ke jannah...Insyallah.


Dalam pada itu, ada yang menyatakan sudah lama menanti berita gembira berkenaan seperti mana yang ditulis, iamdianajamal;

'Alhamdulillah. Dah lama kami rakyat Selangor tunggu berita gembira ini. Alhamdulillah. Tahniah Tuanku

DYMM Sultan dan seluruh kerabat serta rakyat Selangor.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



wansyamsulamri Merafak sembah  
tahniah kepada DYMM Tuanku Sultan  
Selangor.Daulat Tuanku !

gemb  
ini da  
mend  
keseja  
dipan  
Tuank

umiekamarulzaman Alhamdulillah...  
syukur

*ANTARA komen pengikut Raja Muda Selangor di laman Instagram.*

nurzulaikhaintan Yeay dapat permaisuri  
baru.. dah lama rakyat selangor nantikan..

988  
era,  
ang  
gor.

mydestiny2011 Just read about it.  
Alhamdulillah

qizsh Tahniah Tuanku! Daulat Tuanku!

DYM  
keral  
Selar

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



MAJLIS pernikahan  
berlangsung di Masjid  
Istana Diraja, Istana  
Alam Shah, Klang.



GAMBAR Tengku Amir bersama ayahanda di Instagramnya.

>> **Majlis pernikahan** Sultan Sharafuddin Idris Shah disempurnakan **Mufti** Selangor

# 'TAK SANGKA LANGSUNG'

Nur Lela Zulkipli  
dan Garret Dawum  
am@hmetro.com.my

■ Shikin masih bekerja sehari sebelum perkahwinan dengan Sultan Selangor

**Kuala Lumpur**

**"S**aya tidak sangka langsung Shikin (Norashikin Abdul Rahman) akan berkahwin dengan Sultan Selangor kerana dia masih bekerja seperti biasa sehari sebelum hari pernikahan mereka,"

Itu kata penyampai berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) Farid Ismeth selepas tersebarnya berita pernikahan antara Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Norashikin pada 31 Ogos lalu.

**"Tiada khabar angin mengenai kisah percintaan beliau dengan sesiapa pun Farid Ismeth"**

Menurut Farid, sepanjang 21 tahun bekerja dengan penyampai berita tinggi lampai itu, dia menyenangi sikap sopan santun

dan rajin bekerja Norashikin. "Meskipun dia (Norashikin) peramah, namun beliau tidak pernah bercerita mengenai kisah peribadi kepada rakan di pejabat."

"Sebelum ini, tiada khabar angin mengenai kisah percintaan beliau dengan sesiapa pun dan tahu-tahu beliau sudah pun berkahwin dengan Sultan Sharafuddin pada 31 Ogos lalu," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, seorang rakan baiknya, Mohd Ishah-rulddin Md Tahir, 30, berkata, perkahwinan wanita yang dianggap sebagai kakak itu satu berita yang mengejutkan.

"Saya sebagai kenalan rapat termasuk kawan lain memang tidak mengetahui berkenaan dengan kisah perkahwinan itu

kerana dia seorang yang perahsia walaupun mudah bergaul dengan orang tanpa mengira pangkat.

"Sepanjang tujuh tahun ikatan persahabatan kami, dia sangat menjaga rahsia terutama kisah peribadinya."

"Apa-apa pun, saya ingin mengucapkan tahniah buat dia dan semoga perkahwinannya itu kekal lama sehingga ke janah," katanya sambil memuji keperibadian Norashikin yang baik hati.

Ini satu berita gembira buat semua rakyat Selangor.

Sebelum ini, Norashikin pernah berkahwin dengan juruterbang syarikat penerbangan Etihad, Mustapha Kamal Halim dan dikurniakan dua cahaya mata iaitu Nur Amanda, 17 dan Adam Salleh, 14.

## Trending tertinggi

**Kuala Lumpur:** Kisah pernikahan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama penyampai berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) Norashikin Abdul Rahman menjadi perhatian seluruh rakyat Malaysia.

Ramai yang ingin mengetahui latar belakang isteri Sultan Selangor itu sehingga pencarian menerusi Google trending mencatatkan nama Norashikin Abdul Rahman RTM adalah yang tertinggi sehingga jam 6

petang, semalam.

Pencarian rakyat Malaysia diteruskan dengan Sultan Selangor kahwin dan Sultan Selangor bernikah menjadi perkara trending kedua dan ketiga tertinggi.

Lain-lain kisah trending berkenaan pernikahan Sultan Selangor dan Norashikin adalah Sultan Selangor married, Norashikin, umur Sultan Selangor, Tengku Amir Shah, isteri Sultan Selangor terkini dan Norashikin Abdul Rahman Instagram.

## Bimbang penularan Zika

Takut dan bimbang. Itu reaksi orang ramai yang masih terkejut dengan berita penularan virus Zika ke negara ini khususnya di daerah Klang pada 31 Ogos lalu.

Penduduk, Izzanatul Wida Johari, 29, berkata, dia amat bimbang dengan penularan virus berkenaan apatah lagi Selangor menjadi negeri pertama kes virus Zika.

“Difahamkan, virus Zika juga merebak melalui nyamuk aedes sama seperti denggi dan ia berisiko tinggi.

“Masalah ini akan bertambah serius jika masyarakat tidak melakukan pencegahan terutama dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Zarimah Mohd Ishak, 51, berkata, dia sentiasa memastikan kawasan rumahnya bersih berikutan virus itu hampir sama dengan virus denggi.

Katanya, dia sekeluarga ketika ini sangat

berhati-hati terutama dalam memastikan diri tidak terdedah dengan gigitan nyamuk.

“Langkah pencegahan sama seperti denggi dan masyarakat perlu ambil berat mengenai bahaya virus Zika,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Klang (MPK) Azmi Muji berkata, Kementerian Kesihatan kini mengambil alih usaha menangani kes berkenaan berikutan ia kes pertama di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya kini hanya menumpukan kerja menghapuskan pembiakan nyamuk aedes di kawasan tumpuan di Klang bagi mengelak penularan virus Zika.

“Kerja pencegahan pemusnahan tempat pembiakan sudah dijalankan di rumah pesakit oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang dan pengasapan turut dilakukan semalam (kelmarin),” katanya ketika ditemui.

# Norashikin pilihan hati Tuanku

✎ HASNIZA HUSSAIN

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabul dengan seorang pembaca berita sebuah stesen televisyen tempatan, Norashikin Abdul Rahman, 45, pada 31 Ogos lalu.

Menurut Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani, pernikahan itu dijalankan oleh Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abdul Wahid.

"Majlis pernikahan selamat disempurnakan pada pagi 31 Ogos di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, secara sederhana dan ringkas atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

"Majlis dihadiri Timbalan Mufti Selangor, Dr Anhar Opir; Imam Paduka Tuan, Mohd Rasid Mahful; bekas Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehuddin Saidin, bapa serta ahli keluarga pengantin perempuan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Norashikin yang juga bekas pramugari Mas pernah berkahwin dengan seorang Juruterbang Etihad Airlines, Abu Dhabi, Mustapha Kamal Halim, 53, dan memiliki dua cahaya mata, Nur Amanda, 17, dan Adam Salleh, 14.

Anak kelahiran Kuala Lumpur itu merupakan anak bongsu daripada tiga beradik dan sebelum ini pernah meraih anugerah Penyampai Berita TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa 2005 (ASA2005).

Sementara itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah merupakan Sultan Selangor ke-9 yang memerintah Selangor sejak 22 November 2001, berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

Baginda berkahwin pada 1968 dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal dan dikurniakan dua puteri, Tengku Zerafina dan Tengku Zatashah.

Baginda kemudian berkahwin kali kedua dengan seorang warga Amerika Syarikat, Cik Puan Nur Lisa Idris Abdullah pada 1988 dan mempunyai seorang putera, Tengku Amir Shah hasil perkahwinan tersebut.



NORASHIKIN



Sultan Sharafuddin berkenan menyarungkan cincin selepas diijab kabul dengan pasangannya, Norashikin, pada 31 Ogos lalu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## Cari kaedah terbaik selesai isu Felda

**SHAH ALAM** - Empat rancangan Felda di Hulu Selangor dikenal pasti mengalami masalah penyelenggaraan ladang dan penyata hutang yang tidak diserahkan mengikut jangka waktu diper-setujui dalam perjanjian bersama Felda Technoplant Sdn Bhd.

Ketua Umno Bahagian Hulu Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan berkata, beliau mengambil berat permasalahan dibawa Jawatankuasa Bertindak Suara Generasi ke-2 Felda berkaitan anak syarikat Felda yang diberi tanggungjawab mengurus tadbir ladang peneroka.

"Saya bersimpati dengan apa yang sedang dihadapi peneroka ini, lebih-lebih lagi apa-

bila isu ini timbul dalam kawasan Hulu Selangor.

"Isu ini saya bawa dan bahaskan dalam Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian

**SOROT**

Hulu Selangor baru-baru ini, di mana peneroka menggesa

kerajaan dan Felda mengambil langkah segera bagi menangani isu tersebut," katanya.

Menurutnya, beliau akan mencari kaedah terbaik bagi menyelesaikan masalah dihadapi peneroka Felda.

Adun Batang Kali itu turut memuji tindakan anak peneroka generasi kedua kerana dilihat bersungguh-sungguh mendapatkan penyelesaian melalui tindakan bersama bagi mendapatkan hasil situasi 'menang-menang'.

# Rakyat terima khabar gembira

## Ucapan tahniah ke atas pernikahan Sultan Selangor bersama permaisuri baharu

✶ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR,  
NORAZIHAN MD GHAZALI DAN  
ARZIANA MOHMAD AZAMAN

**SHAH ALAM** – Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengucapkan tahniah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di atas pernikahan baginda, 31 Ogos lalu.

Mohamed Azmin berkata, kerajaan negeri dan rakyat tumpang gembira dengan perkembangan terbaharu dari istana itu.

“Saya bersama pimpinan negeri, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat jelata gembira dengan berita diterima awal pagi tadi (semalam).

“Kami mendoakan semoga tuanku berbahagia bersama keluarga dan terus sihat untuk memerintah negeri ini,” katanya.

Sementara itu, Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi merangkap Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi menyatakan rasa syukur berhubung perkhidmatan gembira itu.

“Alhamdulillah...semoga baginda dapat mentadbir Selangor dengan lebih tenang dan penuh kebijaksanaan serta dikurniakan kesihatan yang

baik di samping isteri tersayang, Daulat Tuanku,” katanya.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib pula berkata, sebagai rakyat dan Exco Selangor, beliau

sangat sukacita dengan perkahwinan Sultan Selangor.

“Saya doakan baginda dan permaisuri berbahagia hingga ke syurga serta terus sihat walafiat untuk terus menerajui Kerajaan Selangor.

“Pilihan baginda sangat tepat dan menggembirakan seluruh rakyat Selangor serta menyerlahkan lagi sifat baginda yang sememangnya berjiwa rakyat,” katanya.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Haris Kasim turut menzahirkan rasa syukur dan gembira dengan perkahwinan Sultan Selangor, selain mendoakan perkahwinan baginda diberkati dan dilimpahi dengan kemuliaan.

Bagi Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang merangkap Adun Kota Alam Shah, V Ganabatirau, beliau menyifatkan perkahwinan Sultan Selangor sebagai satu kebahagiaan dan kesejahteraan

buat seluruh rakyat Selangor.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga merangkap Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi pula mendoakan baginda berbahagia hingga ke jannah.

“Alhamdulillah....Kami sebagai rakyat Selangor turut gembira dengan berita bahagia Sultan Selangor yang diijabkabulkan dengan pilihan hati baginda,” katanya.

Ketua Puteri Umno Selangor, Salbiah Saari berkata, Puteri Umno Selangor bersyukur dan mengucapkan tahniah atas pernikahan Sultan Selangor.

“Kami dan seluruh rakyat khususnya warga Tanjong Karang sangat gembira dan teruja, akhirnya Selangor memiliki permaisuri,” katanya.

Sementara itu, Penduduk Taman Seri Jaya, Suzaini Sulaiman, 42, turut mengucapkan tahniah atas pernikahan Sultan Selangor dan menganggap berita tersebut sebagai berita terbaik buat seluruh rakyat Selangor.

“Saya doakan baginda tuanku sentiasa dilimpahi rahmat ALLAH dan bahagia selama-lamanya,” katanya.



MOHAMED AZMIN



AHMAD YUNUS



GANABATIRAU

## KSM anjur karnival ibu tunggal

**PUTRAJAYA** - Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bersama beberapa kementerian, jabatan, agensi kerajaan lain dan persatuan yang mewakili ibu tunggal bakal menganjurkan Mini Karnival Ibu Tunggal 2016 di Kompleks Sukan MPKj, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, esok.

Jabatan dan agensi di bawah KSM yang terlibat adalah Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Perbadanan Sumber Manusia Berhad dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia melalui JobsMalaysia.

Karnival ini mensasarkan kehadiran sekurang-kurangnya 500 ibu tunggal meliputi pelbagai peringkat umur dan kelayakan dari kawasan Kuala Lumpur dan Selangor.

Objektif penganjuran program mempromosi dan memberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab jabatan serta agensi di bawah KSM dalam penawaran peluang pekerjaan serta latihan kepada golongan ibu tunggal.

Ia juga memupuk dan menyebarkan maklumat mengenai hak-hak, kebajikan, peluang ibu tunggal dalam pekerjaan dan isu berkaitan dari sudut perundangan.

Selain itu, Mini Karnival Ibu Tunggal ini akan melibatkan aktiviti seperti temu duga kerjaya terbuka, taklimat, sesi bicara ikon jemputan di kalangan IT dan pameran.

Karnival itu dijangka dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**REAKSI**



“Akhirnya Sultan Selangor menemui permaisuri di hati. Semoga bahagia hingga ke syurga tuanku. Daulat Tuanku.”  
-Noor Hafiza Mohamed Ali, 40, kakitangan awam



“Sembah tahniah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang akhirnya berjaya menyunting permaisuri baharu buat rakyat Selangor. Semoga bahagia selamanya Tuanku. Daulat Tuanku.”  
- Mohd Zamree Abdul Rahman, 28, Kakitangan swasta.



“Alhamdulillah.. patik mewakili warga Mukim Setapak amat gembira dan bersyukur menerima khabar gembira ini.. Daulat Tuanku..Sembah Takzim untuk Sultan Selangor.”  
- Penghulu Mukim Setapak, Mohd Fazi Abdul Latif



“Sembah tahniah, semoga ALLAH SWT merahmati perkahwinan tuanku Sultan Selangor dan permaisuri.”  
Khairunnisa Shawaludin, 27, Eksekutif

# Muhyiddin 'teman sejati'

Hanya beliau berani lawat Anwar ketika bekas ketua pembangkang itu dipecat

■ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM – Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin disifatkan sebagai 'teman sejati' dalam politik terutama ketika pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kabinet.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, tidak ada mana-mana menteri kabinet ketika itu berani melawat bekas ketua pembangkang itu di kediamannya selepas dipecat, melainkan Muhyiddin yang sebelum ini dalam Umno bersama-sama Anwar dalam 'team wawasan'.

"Kita jangan lupa Tan Sri Muhyiddin bersama Datuk Seri Anwar pada 2 September 1998. Hari ini 2 September (semalam) iaitu tarikh keramat Anwar dipecat daripada timbalan perdana menteri.

"Atas prinsip dan persahabatan, walaupun Datuk Seri Anwar dipecat, beliau (Muhyiddin) berani tampil ke rumah Anwar menyampaikan salam dan

“Atas prinsip dan persahabatan, walaupun Datuk Seri Anwar dipecat, beliau (Muhyiddin) berani tampil ke rumah Anwar menyampaikan salam dan bertemu dan mendoakan agar beliau (Anwar) tabah mengharungi ujian dan cabaran.” - Mohamed Azmin

bertemu dan mendoakan agar beliau (Anwar) tabah mengharungi ujian dan cabaran," katanya ketika berucap pada Sesi Minum Petang dan Ramah Mesra bersama Masyarakat di Hay Resort, di sini.

Justeru, katanya, tiada sebab PKR atau mana-mana kepimpinan parti pembangkang lain tidak bersama Muhyiddin kerana Presiden Bersatu itu dipecat bukan kerana merompak atau rasuah, sebaliknya ingin mem-bela negara dan rakyat keseluruhannya. Timbalan Presiden PKR itu turut yakin

dengan pengalaman dan ketokohan serta kewibawaan Muhyiddin mampu mem-bawa kebangkitan rakyat untuk bersama-sama dengan parti pembangkang lain dalam PRU14 nanti.

"Saya kira peranan Tan Sri amat penting dalam PRU14 ini. Kita tak tahu sama ada Bersatu akan diluluskan atau pun tidak, namun itu bukan pertimbangan kita pada hari ini. Ayuh kita bersatu atas tekad dan azam yang satu untuk selamatkan dan memulihkan ekonomi negara," katanya.

Mohamed Azmin turut berharap agar rakyat di negeri ini khususnya di Sabak Bernam menerima hakikat bahawa mereka perlu bersatu bagi menumbangkan BN.

"Saya kira ini bukan soal dendam kesumat.

"Saya yakin bahawa rakyat hari ini memerlukan kepimpinan yang jujur dan bertanggungjawab bagi memimpin negara dan rakyat bagi menyelamatkan ekonomi dan kepimpinan di peringkat Putrajaya yang sudah rosak dan tidak lagi berada di landasan sebenar," katanya.

## 441 penduduk terima insentif

**SUNGAI BESAR** – Kerajaan negeri menyampaikan insentif kepada 441 penduduk di daerah Sabak Bernam menerusi pelbagai program bantuan jangka panjang.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bantuan itu diberikan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

“Pelaksanaan program bantuan ini memberi impak sosial kepada rakyat khususnya di kawasan pinggir bandar,” katanya pada Majlis Penyampaian Khas

Kerajaan Negeri Selangor di Dataran Niaga Bagan Terap, di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, program berkebakjikan dan insentif berterusan akan dilaksanakan ke seluruh negeri seiring hasrat kerajaan negeri menjadikan Selangor sebagai negeri berkebakjikan.

Katanya, gerak kerja pemantauan di seluruh daerah giat dilaksanakan bagi pelaksanaan program berkebakjikan seluruh negeri.

“Kita akan ke seluruh daerah kerana memang itu tradisi yang telah kita laksanakan sejak dua tahun ini,” katanya.



Mohamed Azmin melancarkan penyerahan insentif kepada rakyat di daerah itu pada Majlis Penyampaian Khas Kerajaan Negeri Selangor di Dataran Niaga Bagan Terap, semalam.

## Azmin nafi caj jeti RM600



Mohamed Azmin berucap pada Majlis Perjumpaan Menteri Besar Selangor bersama Nelayan di Bagan Sekinchan.

**SEKINCHAN** – Kerajaan negeri tidak mengenakan caj jeti RM600 setahun yang didakwa dikenakan kepada jeti-jeti nelayan di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menafikan, pentadbiran kerajaan negeri mengenakan caj jeti kepada nelayan seperti yang digembar-gemburkan sebelum ini, terutama pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kawasan Sungai Besar lalu.

“Saya sudah bawa isu

ini dalam mesyuarat MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Selangor). Kita panggil wakil Luas (Lembaga Urus Air Selangor) beri penjelasan.

“Saya nak beritahu, tidak betul kerajaan negeri telah laksanakan caj tersebut... tidak ada keputusan yang dibuat kerajaan negeri pada ketika itu hingga sekarang,” katanya pada Majlis Perjumpaan Menteri Besar bersama Nelayan di Bagan Sekinchan.

Dalam pada itu, kata-

nya, pihaknya melalui Jawatankuasa Pengurusan Jeti sedang membuat kajian bagi menyelaraskan jeti di Selangor.

“Jawatankuasa Pengurusan Jeti telah membuat pengukuran 89 jeti dan ia telah dibawa ke Pejabat Tanah dan Galian untuk diluluskan kerajaan negeri kepada persatuan nelayan.

“Kerajaan negeri tiada halangan untuk luluskan kepada persatuan nelayan dalam masa terdekat,” katanya.

# Warta pusat pengumpulan ikan baharu

Bagi menggantikan pusat sedia ada yang tidak lagi sesuai, berada dalam rizab jalan dan sempit

**SEKINCHAN** – Kerajaan negeri mewartakan tapak pusat pengumpulan ikan baharu di Petak 183, Jalan JPT Bagan Sekinchan, di sini, semalam.

Ia bagi menggantikan pusat sedia ada yang tidak lagi sesuai kerana berada dalam rizab jalan dan parit selain lokasinya yang sempit.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, proses kelulusan itu dibuat setelah beliau mendengar sendiri rungutan nelayan berhubung perkara itu dalam lawatannya ke Sekinchan, 24 Oktober 2014.

"Seminggu selepas (lawatan) itu, saya beritahu pegawai daerah dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) kita luluskan tapak baru pusat pengumpulan ikan di kawasan ini.

"Pusat pengumpulan ikan (tapak lama) ini tak lagi sesuai kerana tempatnya berada di tepi jalan besar... bila lori ikan datang, keadaan sesak," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Menteri Besar bersama Nelayan di Bagan Sekinchan.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata,

cadangan kerajaan negeri bagi pembinaan pusat pengumpulan ikan baharu di kawasan itu mendapat bantahan daripada Persatuan Tiew Chew Sekinchan.

"Sekarang ada cadangan baru untuk melihat supaya kita lakukan kerja pemulihan tanah dan benteng di kawasan ini," katanya.

Menurutnya, sekiranya terdapat bantahan, kerajaan negeri terpaksa membuat kerja pemulihan tanah dan benteng dengan kos membuat kajian saja mengambil masa enam bulan dan memerlukan sekurang-kurangnya RM800,000.

Selain itu katanya, kerja pemulihan tanah dan benteng ini mungkin mengambil kos jauh lebih besar sekali gus akan melengahkan lagi pembinaan pusat pengumpulan ikan berkenaan.

"Kita minta persatuan nelayan di kawasan ini berbincang dengan Persatuan Tiew Chiew Sekinchan bagi mencari penyelesaian terbaik.

"Jika benar tapak ini tak sesuai, kita boleh mempertimbangkan kawasan lain, tapi ia akan memberikan implikasi kos kewangan lebih besar," katanya.



Mohamed Azmin diiringi Adun Sekinchan, Ng Suee Lim dan wakil agensi kerajaan meninjau lokasi benteng di Jalan JPT Bagan Sekinchan.

# Jom Durian kutip dana RM200,000

Isi tabung CWS yang dikhususkan untuk tunai impian kanak-kanak menghidap penyakit kronik seluruh negara

**SUBANGJAYA** - Program amal Jom Durian yang dianjurkan buat kali ke-sembilan baru-baru ini, berjaya mengutip dana hampir RM200,000 hasil jualan tiket untuk aktiviti makan durian sambil beramal di The Summit USJ, di sini.

Ribuan penggemar durian menyertai program itu bagi mencari dana mengisi tabung Persatuan Impian Kanak-kanak Malaysia (CWS) yang dikhususkan menunaikan impian kanak-kanak menghidap penyakit kronik di seluruh negara.

Lebih membanggakan, ada juga peserta dari Sabah dan Sarawak turut hadir menjayakan program selain me-

nunjukkan sokongan terhadap aktiviti amal tersebut bagi mengembalikan senyuman pada wajah kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Pemangku Presiden CWS, Teoh Teik Hoong berkata, program itu dianjurkan dengan kerjasama Summit USJ untuk memberi peluang penggemar durian menikmati raja buah itu selama sejam dengan sumbangan RM30 seorang.

Pihaknya berterima kasih kepada sokongan 30 syarikat korporat yang turut sama menyertai program amal tersebut.

"Sehingga kini, ini adalah yang

terbesar sejak ia mula dianjurkan. Sambutan diterima di luar dugaan," katanya.

Beliau berkata, sejak ditubuhkan pada 2008, CWS sudah menunaikan impian 600 kanak-kanak dengan kos perbelanjaan hampir RM2.5 juta.

Teik Hoong berkata, dana dikumpulkan digunakan untuk memberi kegembiraan kepada kanak-kanak yang menghidap penyakit kronik di seluruh negara.

Menurutnya, pada program itu seramai 350 kanak-kanak kurang bernasib baik dari 12 pertubuhan kebajikan turut dirai dalam sesi khas menikmati raja buah tersebut.



Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh (kanan) ketika merasmikan program Jom Durian.

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Adun Kinrara, Ng Sze Han (kanan) dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, menikmati durian yang disediakan.



Ribuan peserta hadir pada program Jom Durian di The Summit USJ.



Sukarelawan Program Jom Durian bergambar sebelum program berakhir.

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**PETALING JAYA**  
Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Johary Anuar (dua, kanan) ketika mengambil bahagian dalam acara PJ Half Marathon edisi ke-28.

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**KAPAR**  
Adun Sementa,  
Dr Daroyah  
Alwi bersama  
penduduk  
Jalan Harapan  
6D, Taman  
Sungai Kapar  
Indah selepas  
aktiviti gotong-  
royong  
sempena Hari  
Kemerdekaan  
ke-59, baru-  
baru ini.

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**SHAH ALAM** Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), Adi Faizal Ahmad Tarmizi (kanan) menerima Pingat Pekerti Terpilih manakala Pegawai Khas Ahli Parlimen Kota Raja, Azmi Jusoh dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian pada majlis penganugerahan pingat negeri oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena Hari Keputeraan ke-70 baginda yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah.

## Sultan Selangor nikah pembaca berita RTM 31 Ogos

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selamat diijab kabul dengan pembaca berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, pada 31 Ogos lepas.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani dalam satu kenyataan berkata, Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam majlis pernikahan yang sederhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata pernikahan turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor Dr Anhar Opir; Al Fadil Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor Datuk Salehuddin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Is-



SULTAN Selangor dan Norashikin semasa majlis itu.

tana Jema'ah Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Disember 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah (rakyat Amerika) tetapi bercerai pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu Tengku Zerafina, 47, Tengku Zatashah, 43, dan Tengku Amir Shah (kini Raja Muda Selangor), 26.

Norashikin, 45, yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik.

Beliau pernah bertugas sebagai pramugari dan mempunyai dua orang anak, Nur Amanda, 17 dan Adam Salleh, 14 daripada perkahwinan terdahulu dengan seorang juruterbang Mustapha Kamal Halim.

Norashikin juga pernah meraih anugerah Penyampai Berita TV Terbaik Anugerah Seri Angkasa pada 2005 (ASA2005). – Bernama



↑→雪州苏丹沙拉夫丁殿下与诺拉斯欣于国庆日当天完婚。

# 娶新闻播报员 雪苏丹国庆日完婚

(吉隆坡 2 日讯) 雪州苏丹沙拉夫丁依德利莎与国营电视台 (RTM) 新闻播报员诺拉斯欣共谐连理。


殿下私人助理拿督慕尼发文告说, 婚礼于国庆日 (31 日) 当天, 在巴生阿南莎皇家清真寺举行, 并由雪州宗教司拿督哈末淡耶斯证婚。

《星报》报导, 45 岁的诺拉斯欣是前马航空姐, 与前夫慕斯达法卡玛 (Etihad 航空公司机长) 育有两名子女。

殿下与首任妻子拉惹查丽娜育有两名公主, 即东姑仄拉菲娜及东姑查达莎; 第二任妻子为美国籍的诺丽莎, 并育有雪州王储东姑阿米尔。#

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# 國慶日添喜訊 雪蘇丹迎娶新聞主播

■ 礼  
沙拉夫丁殿下(左)与诺拉丝金低调进行婚

(莎阿南2日讯)雪兰莪州苏丹沙拉夫丁殿下于8月31日,即国庆节当天迎娶大马国营电台及电视台(RTM)新闻主播诺拉丝金!

苏丹沙拉夫丁殿下私人助理拿督莫哈末慕尼尔今日发文告指出,两人婚礼是在雪州阿南莎王宫举行,并由雪州宗教司拿督莫哈末谭耶斯主持婚礼。

雪州副宗教司安哈、前副宗教司拿督阿都马吉及雪州伊斯兰理事会成员拿督沙乐胡丁皆在场见证。

诺拉丝金(45岁)也是马航航空姐,前夫是一名飞机师慕斯达法嘉马,育有17岁的女儿诺阿曼达和14岁儿子阿当沙烈。

**第三任妻子**

今年71岁的苏丹沙拉夫丁殿下育有2名女儿,即东姑仄拉菲娜及东姑扎塔莎,及独子东姑阿米尔;殿下的第一任妻子是拉惹扎丽娜,第二任妻子则为诺丽莎。

诺拉丝金来自吉隆坡,也是家中3子女中的幼女,她曾获得2005年Seri Angkasa最佳电视女主播奖。



文告宣布苏丹再婚。  
苏丹沙拉夫丁殿下私人助理拿督莫哈末慕尼尔发

## 東姑阿米爾祝福父王

(吉隆坡2日讯)雪州王储东姑阿米尔为父王苏丹沙拉夫丁殿下再婚,献上满满结婚祝福,为他迎娶新闻主播诺拉丝金一事感到开心。

东姑阿米尔今日在Instagram上载与苏丹沙拉夫丁的合照,表达对父王的敬意。

“我们的关系如同平常的父子,父王赋予我生命、教育我成为顶天立地的男子、在我低落时指引我,展示成为优秀领袖的最佳例子。”

他说,自己钦佩父王,会一直支持及成为苏丹沙拉夫丁殿下的后盾,并以父王为荣。

“恭喜父王,我为你感到非常高兴。”



东姑阿米尔祝福苏丹沙拉夫丁殿下。



■ 动。(图取自《马来西亚前锋报》)  
诺拉丝金(右)与儿女保持良好互

(吉隆坡2日讯)雪州苏丹沙拉夫丁殿下下的新婚妻子，在其前夫眼中是一名善解人意、不爱吃醋、也不管束别人的妻子。

根据《马来西亚前锋报》在5年前的一篇专访，诺拉丝金的前夫是阿联酋阿提哈德航空公司 (Etihad Airways) 机长慕斯达法卡马。

诺拉丝金受访时已婚13年，并育有一对子女，但她与丈夫因工作而分隔两地，丈夫当时已在阿布扎比工作6年，而她则在本地电视台当主播。

夫妇2人是分开受访，因为慕斯达法卡马当时需要工作，故而先受访，他说，若妻子经常管束和吃醋，夫妻俩都会觉得辛苦，因为无法专心工作，思绪受影响。

### 前夫曾讚賞諾拉丝金

## 善解人意 不爱吃醋

### 應互相信任

“我允许她工作，至少她不会觉得生活乏味，同时我也知道她能照顾自己和2名孩子，诺阿曼达（当时12岁）和阿当沙烈（当时9岁）。”

诺拉丝金受访时，分享她持家之道，并指最重要是互相信任，才能带来幸福，避免争吵。

她也是马航前空姐，若容易吃醋，一些小误会都会变成大问题。

她说，夫妻之间不宜过于互相管束，因为这行为会让人厌倦。

她说，她不会吃醋，也不会小事放大，因为不想一些琐事扰乱婚姻，当时丈夫出差异地多年，她在6个月内就习惯生活没有丈夫。

